

MAHATHIR - PANTAI MERDEKA

KUALA LUMPUR, 25 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BARISAN NASIONAL AKAN MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DALAM PILIHAN RAYA UMUM NANTI BERDASARKAN KEMENANGAN CALONNYA DALAM PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI PANTAI MERDEKA SEMALAM.

KETIKA MENGULAS KEMENANGAN CALON BN, SENATOR HAJI SHUAIB LAZIM, PERDANA MENTERI BERKATA: +WALAUPUN MAJORITI UNDI BN BERKURANGAN, KEMENANGAN BN KALI INI ADALAH MENENTANG PAS, YANG MENDAPAT BANTUAN DARIPADA RAKAN-RAKANNYA DAP, SEMANGAT 46 DAN PIHAK-PIHAK TERTENTU.+ +PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986, BN HANYA MENENTANG PAS SEORANG,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI STESEN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA, SUNGAI BESI DI SINI SETIBANYA DARI PATTAYA PETANG INI.

PADA PILIHAN RAYA KECIL ITU, SENATOR SHUAIB MENDAPAT 10,384 UNDI MANAKALA LAWANNYA, DATUK HAJI MOHAMED MUSLIM OTHMAN MENDAPAT 6,975 UNDI UNTUK MENCATAT MAJORITI 3,409 UNDI. PADA PILIHAN RAYA 1986, BN MEMPEROLEHI KELEBIHAN 5,166 UNDI.

SEMASA MENJAWAB SOALAN SAMA ADA BELIAU YAKIN +TREND+ KEMENANGAN ITU AKAN BERLANJUTAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM NANTI, BELIAU BERKATA, KEMENANGAN BN ITU AKAN BERTERUSAN. -- LAGI.  
1900MST 25 03 90

D815

U B936 BAH  
MAHATHIR - PANTAI MERDEKA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, TUDUHAN-TUDUHAN YANG DILEMPAR OLEH PARA PEMIMPIN PAS DAN PARTI PEMBANGKANG LAIN JELAS TIDAK MEMBERI KESAN TERHADAP KEYAKINAN RAKYAT PADA KERAJAAN BN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, RAMAI PENYOKONG KERAJAAN TIDAK BERKEMPEN DI PANTAI MERDEKA KERANA YAKIN BN AKAN MENANG.

KETIKA MENGULAS MENGENAI HASRAT PAS UNTUK MEMPERTIKAIKAN KEPUTUSAN ITU DI MAHKAMAH, BELIAU BERKATA, ITU TERPULANG KEPADA MEREKA.

(PAS MEMPERTIKAIKAN PENCALONAN SENATOR HAJI SHUAIB KERANA MENGANGGAP CALON BN ITU SEORANG MUFLIS DAN TIDAK LAYAK BERTANDING).

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KITA TELAH MENANG DAN HAKIKATNYA KITA TETAP MENANG.+

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA, BN AKAN MENERIMA APA YANG AKAN DIPUTUSKAN OLEH MAHKAMAH DAN MENGHORMATI KEPUTUSAN ITU. -- LAGI.

1921MST 25 03 90

D838

U B953 BAH  
MAHATHIR - PANTAI MERDEKA 3 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN LAIN SAMA ADA KERAJAAN BERCADANG MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH TERHADAP TUDUHAN-TUDUHAN YANG DILEMPAR KEPADA KERAJAAN TERMASUK MELALUI AKHBAR DAP +THE ROCKET+, BELIAU BERKATA, RAKYAT BOLEH MENILAI SENDIRI KEBENARAN TUDUHAN-TUDUHAN ITU.

BELIAU BERKATA, SEKIRANYA DIBAWA KE MAHKAMAH, BERBAGAI-BAGAI TUDUHAN LAIN PULA AKAN DILEMPARKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, BANYAK TUDUHAN-TUDUHAN MELULU TELAH DILEMPARKAN TERHADAP PARA PEMIMPIN KERAJAAN SEKARANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PARTI-PARTI PEMBANGKANG TIDAK SEHARUSNYA MEMBUAT TUDUHAN-TUDUHAN MELULU TERHADAP KERAJAAN.

BELIAU BERKATA, SEKIRANYA MEREKA MEMPUNYAI MAKLUMAT MENGENAI SEBARANG PENYELEWENGAN DALAM JENTERA KERAJAAN SEPERTI RASUAH, MEREKA SEPATUTNYA MENGGUNAKAN SALURAN-SALURAN YANG BETUL UNTUK MEMBUAT ADUAN. -- BERNAMA.